

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan

Mesra, Cepat & Tepat

KUALITI KEUTAMAAN KAMI

 www.mbpj.gov.my
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[pjcitycouncil](#)
 [pjkitaj](#)
 [smartpj](#)

BIL. 3/2020 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

📠 : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA



Berita Penuh MS. 3

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)



➤ PEMBUKAAN SEMULA PERNIAGAAN PASAR MALAM DAN PASAR PAGI DI PETALING JAYA

Penjaja yang akan memulakan semula aktiviti perniagaan perlu mematuhi arahan baru yang dikeluarkan oleh Majlis serta syarat-syarat yang telah diperketatkan selari dengan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Berita Penuh MS. 4



➤ SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-14 PERISYTIHARAN BANDAR RAYA PETALING JAYA

Tarikh 20 Jun setiap tahun merupakan tarikh istimewa bagi Petaling Jaya yang kini telah memasuki tahun ke empat belas menggalas status bandar raya.

Berita Penuh MS. 6

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya

PENAUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar



PENASIHAT
Hjh. Azlinda Binti Azman
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN

Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Norshalizawati Binti Hj Baharuddin
Muhammed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shah Bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

• 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
• 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Hjh. Azlinda Binti Azman
Timbalan Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

TPr. Hjh. Sharipah Marhaini
Binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur
A/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Dr. Badrulzaman Bin Jaafar
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Pengukuhan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura Binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari Bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza Binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida Binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0130

Norzita Binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Suu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi A/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan
Petaling Jaya Utara
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

KEBIASAAN BAHARU

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my



Norma Baharu. Inilah keadaan yang kita semua akan hadapi untuk hari-hari mendatang dalam usaha mengekang penularan wabak pandemik COVID-19. Ia juga selaras dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin bersempena Hari Pekerja 2020 pada 1 Mei yang lalu. YAB Perdana Menteri mengingatkan bahawa kita (rakyat Malaysia) perlu terima hakikat bahawa dalam bulan-bulan mendatang ini, adalah mustahil untuk mana-mana negara mencapai angka sifar dalam jangkitan pandemik COVID-19.

Walaupun sebahagian besar sektor ekonomi/sosial dibenarkan beroperasi bermula pada 4 Mei tertakluk kepada syarat-syarat dan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, jangan kita mengambil sikap sambil lewa. Teruskanlah berwaspada. Amalkan amalan penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun, memakai penutup hidung dan mulut atau *face mask* di kawasan awam dan segera berjumput doktor sekiranya bergejala.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), negara kita telah memenuhi enam kriteria yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO. Enam kriteria tersebut adalah :

1

Kawalan sempadan negara kita telah diperketatkan untuk mengelakkan kes import positif COVID-19 berlaku;

2

Kawalan pergerakan untuk mengurangkan kadar jangkitan dalam kalangan rakyat tempatan;

3

Peningkatan keupayaan fasiliti kesihatan;

4

Keupayaan menjaga golongan berisiko seperti warga emas, pesakit yang dirawat serta orang kurang upaya;

5

Amalan normal baharu dalam kehidupan seperti tidak berkumpul, tidak bersalam, penjarakan sosial dan memakai face mask; dan

6

Pemerkasaan komuniti untuk menjaga kawasan yang tidak dijangkiti seperti zon hijau serta mengamalkan aktiviti normal baharu

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan hadapan Majlis yang bertungkus lumus bersama-sama membantu agensi kerajaan yang lain dalam menjaga keselamatan dan pemantauan pergerakan lalu lintas selain mengawal penjarakan fizikal di pasar-pasar awam di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan melakukan kerja-kerja disinfeksi sepanjang tempoh Pergerakan Kawalan Pergerakan (PKP).

Kini, kita telah memasuki Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sebahagian besar daripada aktiviti ekonomi dan sosial dibenarkan, kecuali beberapa aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai dan mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan wabak COVID-19 yang masih tidak dibenarkan. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) juga akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang mencatatkan kes positif COVID-19 yang tinggi.

Adalah ini dinaisihatkan kepada semua agar sentiasa patuh dan mengamalkan kebersihan diri serta keluarga dengan mengambil berat langkah-langkah pencegahan untuk lindungi diri sendiri dan keadaan sekeliling. Pastikan penjarakan fizikal 1 meter sentiasa diamalkan, memakai pelitup muka dan sentiasa membawa hand sanitizer untuk digunakan jika perlu.

Kita akan menang dalam menangani penularan wabak COVID-19 ini dengan syarat semua SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kita patuhi.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

PETALING JAYA

NORSHALIZAWATI BT HJ BAHARUDDIN
nor@mbpj.gov.my

Seperti mana yang semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini telah mengumumkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah pun berakhir pada 9 Jun 2020 yang lalu, dan kini diteruskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020. Ini bermakna, hampir semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, sektor ekonomi dan sebagainya dibenarkan beroperasi semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Begitu juga pasar terbuka, pasar pagi, pasar malam, medan selera, pusat penjaja, food truck dan gerai makan.

Manakala bagi kategori sukan dan rekreasi, juga sudah dibenarkan dibuka semula dan hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Aktiviti sukan yang tidak melibatkan sentuhan badan seperti boling, badminton, memanah, menembak dan lain-lain adalah dibenarkan.

Bagi aktiviti berkumpulan di luar seperti kayuhan basikal dan konvoi motosikal juga dibenarkan. Walau bagaimanapun pertandingan sukan yang melibatkan perhimpunan penyokong atau penonton yang ramai seperti di stadium, sukan renang dan kolam renang awam dan sukan bersentuhan seperti ragbi, gusti, tinju, bola sepak, bola keranjang dan hoki masih tidak dibenarkan.

Semua situasi dan tempat yang dinyatakan ini, turut terpakai di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Segala kelonggaran yang akan diumumkan dari semasa ke semasa kelak adalah tertakluk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara dan Kerajaan Negeri.



PASAR JALAN OTHMAN : KEMBALI BEROPERASI

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdul.hakim@mbpj.gov.my

Pasar Jalan Othman kembali beroperasi pada 6 Jun 2020 lalu bagi membolehkan aktiviti perniagaan berlangsung kembali. Pasar Jalan Othman telah diarahkan tutup sejak 10 Mei 2020 berikutan terdapat kes positif penularan wabak COVID-19.

Sehubungan itu, kini setiap peniaga perlu mematuhi arahan baru yang telah dikeluarkan oleh Majlis serta syarat-syarat yang telah diperketatkan selari dengan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta norma baharu pasca COVID-19. Para peniaga serta pengunjung pasar turut diminta mematuhi Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis ingin menegaskan bahawa peniaga pasar Jalan Othman adalah dilarang untuk melantik pembantu dalam kalangan warga asing serta sentiasa menjaga kebersihan dan kekemasan premis masing-masing. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan boleh menyebabkan lesen perniagaan ditarik dan tidak dibenarkan untuk berniaga di kawasan berkenaan.

Bagi pengunjung pasar pula adalah digalakkan memakai pelitup muka, menggunakan hand sanitizer, menjaga penjarakan fizikal dan menggunakan imbasan QR Code sistem aplikasi SELangkah sebelum masuk ke pasar.



PEMBUKAAN SEMULA PERNIAGAAN PASAR MALAM DAN PASAR PAGI DI PETALING JAYA

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengumumkan pembukaan semula aktiviti perniagaan pasar malam di MBPJ bermula pada 22 Jun 2020 (Isnin), manakala pasar pagi di MBPJ akan bermula pada 23 Jun 2020 (Selasa). Perniagaan pasar pagi dan pasar malam telah diarahkan tutup sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sejak 18 Mac 2020 akibat penularan wabak COVID-19 yang melanda negara.

Selaras dengan itu, setiap penjaja yang akan memulakan semula aktiviti perniagaan perlu mematuhi arahan baru yang dikeluarkan oleh Majlis serta syarat-syarat yang telah diperketatkan selari dengan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) serta norma baharu pasca COVID-19. Para peniaga serta pengunjung pasar berkenaan juga diminta mematuhi Prosedur Pengendalian Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta MBPJ.

Majlis ingin mengingatkan bahawa peniaga pasar malam dan pasar pagi adalah di larang untuk melantik pembantu dalam kalangan warga asing serta hendaklah sentiasa menjaga kebersihan di tapak niaga masing-masing. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan boleh menyebabkan lesen perniagaan akan ditarik dan tidak dibenarkan untuk bermiaga. Antara syarat lain yang perlu dipatuhi oleh penjaja/peniaga adalah seperti berikut:

- ▶ Digalakkan menggunakan pelitup muka.
- ▶ Menggunakan sarung tangan dan apron.
- ▶ Pelesen/pembantu yang mempunyai gejala COVID-19 seperti batuk, demam dan selesema tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan.



- ▶ Pelesen/pembantu mestilah tidak terlibat sebagai PUS (Patient Under Surveillance) dan PUI (Patient Under Investigation) atau perintah kuarantin.
- ▶ Jumlah pelesen dan pembantu di petak perniagaan terhad 3 orang sahaja.
- ▶ Memastikan pelanggan mematuhi penjarakan fizikal 1 meter antara satu sama lain.
- ▶ Menggalakkan pelanggan memakai pelitup muka semasa berurus jual beli.
- ▶ Peniaga/penjaja perlu mematuhi jadual penggiliran yang telah ditetapkan oleh MBPJ.
- ▶ Mendaftar menggunakan Kod QR SELangkah sebelum masuk ke dalam kawasan pasar malam dan pasar pagi.

Selain itu, pengunjung pasar malam dan pasar pagi digalakkan memakai pelitup muka, menggunakan *hand sanitizer*, menjaga penjarakan fizikal dan menggunakan imbasan kod QR sistem SELangkah sebelum masuk ke premis. Pengunjung berumur 13 tahun ke bawah tidak dibenarkan mengunjungi pasar dan hanya 2 orang ahli keluarga sahaja dibenarkan mengunjungi pasar malam atau pasar pagi.

SELANGKAH

“Langkah Masuk Dengan Selamat”



Bisnes Amal
MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADAN)

“Sebagai usaha membendung wabak COVID-19, anda diminta mengimbas Kod QR di bawah sebelum memasuki premis ini”

MBSB Test
ABC Tower
14



#PKPBersyarat
#NormaBaharu
#NewNormal



“Bagi peniaga, Cetak QR anda di www.selangkah.my”

KAWALAN KESIHATAN DI PETALING JAYA

PETALING JAYA NORSHALIZAWATI BT HJ BAHARUDDIN
nor@mbpj.gov.my

1.0 SITUASI KES DEMAM DENGGI

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu epid ke 23/2020 adalah sejumlah 2,346 kes yang dilaporkan. Laporan kes demam denggi ini menunjukkan penurunan sebanyak 25 peratus berbanding tahun 2019 sebanyak 3,109 kes.

Jumlah lokaliti wabak *hotspot* yang aktif dilaporkan sehingga ME 23 (6 Jun 2020) di kawasan pentadbiran MBPJ adalah sebanyak 7 lokaliti, manakala *hotspot* terkini dilaporkan pada ME 24 (12 Jun 2020) sejumlah 6 lokaliti wabak. 1 kes kematian dilaporkan pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah 2,346 kes, MBSA 3,601 kes dan MPSJ 3,731 kes.

2.0 PEMANTAUAN PASAR BAGI FASA PKPP

Pemantauan ke atas 8 buah pasar awam di kawasan pentadbiran Majlis akan diteruskan setiap hari bermula pada pukul 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari oleh kakitangan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran.

Pemantauan ini dilakukan bagi memastikan pengunjung yang datang patuh pada arahan dan SOP yang telah ditetapkan seperti penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, mengambil bacaan suhu badan dan memastikan pengunjung berdaftar di aplikasi SELangkah atau buku daftar yang disediakan sebelum memasuki premis pasar. Pelaksanaan ini adalah usaha berterusan Majlis agar rantaian wabak pandemik COVID-19 dapat dibendung dan diputuskan.

BIL	LOKALITI HOTSPOT ME 23 (6 JUN 2020)
1.	APARTMENT FLORA PJU 8 (BLOK A, B)
2.	KG. SG. KAYU ARA PJU 6A (JALAN TERATAI, MELUR, MAWAR, MELATI) TAMAT PADA : 10/6/2020
3.	SS 2 (1)
4.	MENTARI COURT PJS 8
5.	PPRT C PJU 1A : BLOK G, H
6.	PPRT LEMBAH SUBANG 2 PJU 1A (BLOK A - F)
7.	SHANG VILLA SS 7

BIL	LOKALITI HOTSPOT ME 24 (12 JUN 2020)
1.	APARTMENT FLORA PJU 8 (BLOK A, B)
2.	SS 2 (1)
3.	MENTARI COURT PJS 8
4.	PPRT C PJU 1A : BLOK G, H
5.	PPRT LEMBAH SUBANG 2 PJU 1A (BLOK A - F)
6.	SHANG VILLA SS 7



KAWASAN WABAK DENGGI
MAUT

Bersama Dengan MBPJ
Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes

JAGALAH KEBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN ANDA
KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA

Musnahkan Tempat-tempat Pembelahan
Nyamuk Aedes

 **Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran**
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939



SAMBUTAN HARI ULANG KE-14 PERISYTIHARAN BANDAR RAYA PETALING JAYA

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR

hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Tarikh 20 Jun setiap tahun merupakan tarikh istimewa bagi Petaling Jaya yang kini telah memasuki tahun ke empat belas menggalas status bandar raya. Dalam tempoh ini, pelbagai cabaran dan rintangan diharungi dalam menyediakan dan memberikan perkhidmatan terbaik buat penduduk setempat. Misi dan visi Majlis amat jelas dalam memastikan bandar raya Petaling Jaya ini sentiasa terus kehadapan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang walaupun menghadapi cabaran ekonomi yang tidak menentu.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sememangnya komited dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Namun, ianya tidak terhad kepada satu golongan sahaja malah Majlis mengharapkan penglibatan seluruh masyarakat berbilang kaum dari pada golongan muda, veteran dan Orang Kelainan Upaya (OKU) agar dapat merasai keunikian, pengalaman dan kemudahan yang ada pada program dan aktiviti yang dianjurkan.

Sehubungan dengan itu, bagi menghargai penglibatan masyarakat setempat yang selama ini menyokong penuh dasar-dasar dan memberi



idea-idea penambahbaikan demi kelestarian pembangunan bandar raya Petaling Jaya, Majlis sekali lagi telah menganjurkan kempen Perkhidmatan Percuma kepada penduduk Petaling Jaya pada tarikh 20 Jun 2020 yang lalu bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-14 Perisytiharan Bandar Raya Petaling Jaya. Perkhidmatan percuma yang ditawarkan pada edisi kali ini adalah:

- a) Liquid Compost secara percuma (Had maksimum 1.5 liter seorang dan perlu membawa botol sendiri)
- b) Pemberian 1,000 anak pokok percuma (Pengambilan anak pokok secara pandu lalu)

Bagi mematuhi Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dan norma baharu pasca COVID-19, Majlis telah menetapkan orang awam yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka, menggunakan *hand sanitizer*, menjaga penjarakan sosial dan menggunakan imbasan QR Code sistem SELangkah sebelum masuk ke premis Majlis.



PENGURUSAN DAN TINDAKAN ADUAN MAJLIS

PETALING JAYA

AHMAD HAFIZ BIN AHMAD RAZIF

ahmadhafiz@mbpj.gov.my

Sehingga 31 Mei 2020, aduan awam di Majlis Bandaraya Petaling Jaya menunjukkan pengurangan positif sebanyak 30 peratus daripada tahun sebelumnya walaupun berhadapan situasi penularan COVID-19. Untuk rekod sehingga Mei 2020, sejumlah 5,237 aduan telah diterima berbanding 7,744 pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan positif pada jumlah penghargaan yang diterima, menunjukkan keberkesanan tindakan penyelesaian aduan terutama bagi penyelesaian aduan-aduan kritikal seperti kejadian pokok tumbang, jalan berlubang dan lain-lain. Terdapat peningkatan penghargaan sebanyak 15 peratus daripada tahun sebelumnya yang diperoleh melalui laman sosial Facebook, e-mel dan sistem eAduan MBPJ.

Secara keseluruhan, maklum balas dan kerjasama antara Jabatan turut menunjukkan peningkatan yang baik dengan peningkatan tindakan mengemaskini maklum balas aduan melalui sistem eAduan MBPJ dengan 90% tindakan. Di samping itu, tahap penyelesaian aduan juga merekodkan peningkatan yang positif khususnya bagi aduan-aduan yang kritikal. Untuk rekod, sejumlah 4,232 (81%) aduan telah diselesaikan sehingga Mei 2020.

Secara amnya, hampir kesemua Jabatan memberi komitmen dan kerjasama yang tinggi. Untuk rekod sehingga Mei 2020, purata aduan yang diselesaikan dari Januari hingga Mei 2020 diantara 80 peratus. Justeru itu, saya berharap ketua-ketua jabatan akan terus memberikan perhatian yang serius terhadap aduan-aduan yang diterima dan tidak mengambil mudah aduan-aduan penduduk demi memastikan kelestarian Petaling Jaya dapat dikekalkan dan tahap kepuasan pelanggan dapat dipertingkatkan. Ini sangat penting kerana penduduk meletakkan harapan yang tinggi kepada Majlis dalam menangani aduan-aduan yang diajukan oleh mereka.





BANTUAN HARAPAN RAMADAN DAN COVID-19 DI TAMAN SRI AMAN

TAMAN SRI AMAN, 9 MEI 2020 - Pejabat Ahli Majlis Zon 19 dengan kerjasama Ahli Parlimen Damansara, YB Tn. Tony Pua Kiam Wee dan Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku, YB Pn. Lim Yi Wei bersama-sama dengan sukarelawan team Kg. Tunku telah menyampaikan bantuan Harapan Ramadan dan Covid-19 kepada penghuni 345 unit kediaman di flat Sri Aman. Sumbangan berupa barang keperluan asas seperti ayam dan telur disampaikan kepada semua penduduk tanpa mengira kaum, agama atau warganegara.



BANTUAN BISKUT RAYA DARIPADA AHLI MAJLIS ZON 22

SS 7, 9 MEI 2020 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah menyampaikan sumbangan kuih raya kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia di penempatan sementara operasi Covid-19 di Dewan Serbaguna SS 7/28. Seterusnya pada 19 Mei 2020, seramai 59 anggota Bomba dan Penyelamat yang bertugas di balai bomba Jalan Yong Shook Lin telah menerima sumbangan biskut raya daripada Ahli Majlis Zon 22. Sumbangan ini sebagai tanda terima kasih atas jasa dan sumbangan anggota beruniform kepada masyarakat.



MAJLIS PENYAMPAIAN BUBUR LAMBUK MASJID JUMHURIAH TAMAN DATO' HARUN

TAMAN DATO' HARUN, 19 MEI 2020 - Bertempat di perkarangan Masjid Jumhuria Taman Dato' Harun telah berlangsung majlis penyampaian bubur lambuk kepada penduduk dan pengguna jalan raya di kawasan tersebut. Aktiviti ini hasil kerjasama Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan nazir Masjid Jumhuria Taman Dato' Harun.



SUMBANGAN MAKANAN ASAS KEPADA PENDUDUK PANGSAPURI PERMAI

PETALING UTAMA, 14 JUN 2020 - Bertempat di Surau Istiqlal, Pangsapuri Permai Blok B, Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) telah tampil menyampaikan sumbangan makanan asas kepada penduduk di Pangsapuri Permai.



SUMBANGAN AIDILFITRI DI SURAU AN NUR DESA SEPAKAT

PJS 3, 17 MEI 2020 - Ahli jawatankuasa Surau An Nur Desa Sepakat dan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada pentadbir dan ahli jawatankuasa Surau An Nur, Desa Sepakat PJS 3. Sumbangan ini sebagai tanda penghargaan atas kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti surau tersebut.



BANTUAN BARANG KEPERLUAN DAPUR

PJU1A, 12 MEI 2020 - Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 2 hingga fasa 4, Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan bersama majlis perwakilan penduduk zon 4 dan sukarelawan Team Selangor telah mengedarkan barang keperluan dapur dan makan tengah hari pada setiap hari Isnin hingga Jumaat di sekitar PPR Lembah Subang, PPR Lembah Subang 2, Pangsapuri Vista Subang, Pangsapuri Seri Jati, Pangsapuri Seri Meranti, Pangsapuri Damai dan Pangsapuri Permai.

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan

Mesra, Cepat & Tepat

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkita



smartpj

BIL. 3/2020 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

📠 : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA

MENUJU KE ARAH MASYARAKAT SIFAR SISA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Impak pandemik COVID-19 mendorong pelbagai cabaran dan norma baharu kepada masyarakat. Namun, terdapat juga kesan positif ke atas alam sekitar.

Kos pelupusan sampah Majlis adalah sejumlah RM 2.33 juta, iaitu berkurangan hampir RM 545 ribu antara bulan Januari hingga April 2020 jika dibandingkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2019.

Penjimatan ini jelas menunjukkan hampir 14,468 tan sampah yang dikutip berkurangan. Untuk makluman, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac yang lalu, kuantiti sampah yang dikutip antara bulan Mac dan April menunjukkan penurunan sebanyak 13.3 peratus ataupun 2,277 tan. Daripada jumlah tersebut, sampah domestik menunjukkan penurunan yang memberangsangkan, iaitu sebanyak 11.2 peratus ataupun 1,415 tan berkurangan bagi bulan April berbanding pada bulan Mac.

Antara faktor penurunan penjanaan sampah domestik adalah disebabkan PKP yang menyebabkan kawalan had aktiviti ekonomi dan sosial. Keadaan ini secara langsung menyebabkan berkurangan kitaran ataupun proses insiden *food loss* dan *food waste* kerana berubahnya gaya hidup masyarakat.

Memandangkan sisa sampah menyumbang 8 peratus daripada penjanaan karbon dioksida dan gas hijau lain, maka pengurangan pelupusan sampah juga dapat dicapai. Ini bermakna misi Petaling Jaya ke arah bandar raya berkarbon rendah turut membawa hasil.

Selaras dengan gaya dan norma baharu, Majlis menyeru masyarakat di luar agar terus mengamalkan gaya hidup yang sederhana, makan dan guna bekas makanan secara berhemah serta mengamalkan aktiviti kitar semula demi menuju ke arah masyarakat yang sifar sisa.



Panduan Pengguna

- 1) Taip ADUAN MBPJ
- 2) Tekan hantar kepada nombor : **011-1201 7914**
- 3) Pelanggan akan menerima respon secara (auto reply) dan pelanggan perlu melengkapkan butiran dan keterangan aduan seperti dibawah :
 - a) Nama Penuh :
 - b) No. Kad Pengenalan :
 - c) No. Tel :
 - d) Alamat (Pengadu) :
 - e) Keterangan Aduan :
 - f) Lokasi Aduan :
- 4) Setelah selesai melengkapkan butiran dibawah, sila taip 'TAMAT' dan hantar.
- 5) Pelanggan akan menerima respon No. Rujukan Aduan sebagai rujukan.



SALURAN WHATSAPP ADUAN MBPJ

Butiran dan Keterangan aduan yang tidak lengkap tidak akan diterima.

Waktu urusan adalah dari jam **8.00 pagi** sehingga jam **5.00 petang** hari bekerja.

Disediakan oleh :
Seksyen Aduan Awam, Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

